



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2015

Kepada:

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Semua Pejabat Daerah / Tanah,
Selangor Darul Ehsan.

PENJELASAN TERHADAP
DASAR PENILAIAN PEROLEHAN
SECARA SISTEM *CUT-OFF*

1.0 TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memberi penjelasan pihak Perbendaharaan terhadap isu dan permasalahan berbangkit susulan pelaksanaan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off*.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 7 Tahun 2014** pada 29 Disember 2014 berkaitan **Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off***,
- 2.2 Berdasarkan pekeling tersebut, semua sebut harga dan tender yang ditutup mulai 1 Januari 2015 hendaklah dinilai menggunakan dasar penilaian secara Sistem *Cut-Off*;
- 2.3 Perbendaharaan Negeri Selangor selanjutnya telah mengeluarkan Surat Edaran dengan rujukan PWN.Sel(PPA)052 Jld. 2(22) bertarikh 14 Januari 2015 memaklumkan arahan terbaharu supaya semua sebut harga dan tender yang dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga dan Lembaga Perolehan Negeri/Agensi mulai 1 Januari 2015 hendaklah dinilai menggunakan Sistem *Cut-Off*. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Sebut Harga dan Lembaga Perolehan Agensi yang telah bersidang lebih awal dari tarikh surat tersebut boleh mengekalkan keputusan masing-masing.
-
- 2.4 Dari semasa ke semasa, pihak Perbendaharaan Negeri menerima maklum balas dan pertanyaan berhubung dasar baharu ini. Oleh yang demikian, surat pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan penjelasan terhadap isu dan permasalahan yang dibangkitkan.

3.0 PERSOALAN-PERSOALAN BERBANGKIT

3.1 Modal Minima Bagi Perolehan Secara Sebut Harga

3.1.1 Perenggan 3.4.3 (iii), PPNS Bil. 7 Tahun 2014 menyatakan seperti berikut:-

“ Perakuan Penilaian Sebut Harga dan Tender Bagi Projek Dengan Anggaran Jabatan (AJ) Tidak Melebihi RM20 juta:-

i. Analisa Kecukupan Modal

Mengesahkan bahawa pembida yang layak mempunyai modal minima iaitu 3% dari Anggaran Jabatan (AJ). Dokumen yang membuktikan maklumat ke atas modal adalah seperti mana amalan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedia ada.”

3.1.2 Perbendaharaan Negeri ingin memaklumkan **maklumat tambahan** seperti berikut:-

“ Perakuan Penilaian Sebut Harga dan Tender Bagi Projek Dengan Anggaran Jabatan (AJ) Tidak Melebihi RM20 juta:-

i. Analisa Kecukupan Modal

*Mengesahkan bahawa pembida yang layak mempunyai modal minima iaitu 3% dari Anggaran Jabatan (AJ) **untuk perolehan tender dan 1.5% dari Anggaran Jabatan (AJ) bagi perolehan secara sebut harga bernilai di antara RM 200,000.00 hingga RM 500,000.00.** Dokumen yang membuktikan maklumat ke atas modal adalah seperti mana amalan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedia ada.*

3.2 Bilangan pembida Yang Boleh Disenarai Pendek

3.2.1 Perenggan 3.3.2 (b) PPNS Bil. 7 Tahun 2014 menyatakan seperti berikut:-

“Manakala, bilangan pembida yang boleh disenarai pendek dan layak dinilai adalah sekurang-kurangnya sejumlah sepuluh (10) pembida yang menawarkan harga sebut harga / tender lebih tinggi bermula -20% Adjusted Mean Kerja Pembina (BWAM).

3.2.2 Isu dan Masalah

- (i) Kerap kali jabatan/agensi tidak memperoleh sepuluh (10) harga terbaik untuk disenarai pendek di dalam julat yang ditetapkan. Ini menyebabkan penilaian dibuat secara beza setiap harga dengan Anggaran Jabatan (AJ);
- (ii) Terdapat jabatan yang berpendapat bahawa bilangan pembida yang boleh disenarai pendek dan sewajarnya layak dinilai dibuat atas **budi bicara pegawai penilai** dan kemunasabahan harga pembida bagi mendapatkan sekurang-kurangnya dua (2) pembida lulus penilaian dan boleh diperakukan.

3.2.3 Penjelasan Perbendaharaan Negeri:-

- (i) Ketetapan agar Jabatan/Agensi memastikan terdapat sepuluh (10) bilangan pembida yang layak disenarai pendek untuk meneruskan penilaian secara Sistem *Cut-Off* dibuat bagi memastikan penilaian sebut harga dan tender diurus dengan adil serta saksama;
- (ii) Sepuluh (10) pembida terbaik tersebut mestilah memiliki harga dengan % BWAM dalam julat tidak lebih rendah dari -20% hingga 0%;
- (iii) Selanjutnya, kesemua sepuluh (10) pembida tersebut dibawa untuk penilaian teknikal. Mana-mana pembida yang harganya terhampir dengan -20% BWAM dan lulus penilaian teknikal boleh diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga atau Lembaga Perolehan Negeri/Agensi.
- (iv) Berdasarkan kaedah ini, Jawatankuasa Sebut Harga atau Lembaga Perolehan Negeri/Agensi masih mempunyai pilihan untuk memperakukan mana-mana pembida seterusnya yang layak setelah kontraktor yang gagal diketepikan. Justeru, kaedah ini dirangka dengan tujuan mengelakkan sebut harga / tender dibuka semula akibat tidak ada kontraktor yang layak diperakukan jika proses senarai pendek diurus secara budi bicara penilai.

3.3 Pelaksanaan Program Rumah Kerajaan Prihatin

3.3.1 Program ini menyediakan sejumlah peruntukan khusus bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh. Golongan sasaran bagi program ini adalah kepada keluarga yang mendiami rumah sedia ada dalam keadaan yang daif di atas tanah hakmilik sendiri serta terletak di dalam kawasan perkampungan tradisi / kampung baru.

3.3.2 Objektif yang ingin dicapai oleh program ini adalah untuk memberi bantuan membina semula rumah yang keseluruhannya terlalu daif dan tidak boleh lagi dibaiki pada harga **RM 32,000.00** atau **RM 35,000.00** sebuah. Pemohon yang berkeelayakan akan menerima rumah yang dibina lengkap dengan dua (2) / tiga (3) bilik tidur dan bilik air termasuk pendawaian dalaman elektrik dan pemasangan air dalaman; dan

3.3.3 Program yang sama juga memberi bantuan baik pulih bahagian rumah yang mengalami kerosakan pada kos kurang daripada RM 20,000.00.

3.3.4 Kaedah Perolehan Kerajaan Semasa Bagi Pelaksanaan Program Rumah Kerajaan Prihatin

- (i) Menurut perenggan 7 (iii) (b) (1) (i), **PK2/2013 : Kaedah Perolehan Kerajaan**, perolehan kerja yang bernilai melebihi **RM20,000 hingga RM200,000** hendaklah dipelawa di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan/daerah Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan.

3.3.5 Isu & Masalah Yang Dihadapi Agensi Pelaksana

- (i) Perbendaharaan Negeri mengambil maklum maklumbalas daripada Agensi Pelaksana bahawa perolehan kerja ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari kontraktor tempatan Gred G1 jika dipelawa secara *single project* mengikut tatacara perolehan semasa di atas faktor margin keuntungan yang rendah.
- (ii) Agensi pelaksana sering menghadapi masalah apabila bilangan pembida yang memasuki tawaran adalah kurang dari lima (5) penyebut harga dan tiada kontraktor yang berkelayakan untuk

diperakukan. Ini menyebabkan tawaran sebut harga terpaksa dipelawa semula berulang kali.

3.3.6 Penjelasan Perbendaharaan Negeri:-

Berdasarkan permasalahan tersebut, Perbendaharaan Negeri ingin memaklumkan **kebenaran khas** seperti berikut:-

- (i) Agensi Pelaksana **dibenarkan** melaksanakan perolehan kerja bagi membina baharu Rumah Kerajaan Prihatin secara **sebut harga terhad** dengan mempelawa sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkaitan yang telah dibuat penilaian daripada segi teknikal dan kewangan serta mempunyai rekod pengalaman kerja yang baik untuk mengemukakan harga masing-masing. Mana-mana kontraktor yang didapati berkelayakan boleh diperaku oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi untuk kerja tersebut;
- (ii) Pelaksanaan sebut harga terhad tersebut boleh dibuat bagi maksimum **sepuluh (10) buah Rumah Kerajaan Prihatin** secara gabungan pelaksanaannya (tidak perlu di pelawa/diurus secara berasingan) **tertakluk kepada penilaian**

jabatan terhadap kapasiti pihak kontraktor dan tempoh penyiapan yang disasarkan untuk pembinaan rumah tersebut.

- (iii) Senarai nama lima (5) kontraktor yang dipelawa untuk memasuki sebut harga terhad tersebut hendaklah dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan Negeri Selangor untuk tujuan rekod pada masa yang sama pelawaan dibuka.

4.0 PENGECUALIAN

- 4.1 Pengecualian daripada mana-mana peraturan perolehan sedia ada dan perkara yang telah digariskan di atas hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri mengikut Arahan Perbendaharaan 168.

5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN) D.P.M.S, S.I.S.

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh : 8 Mei 2015

